

Tapak MRT selamat dikorek

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memberikan jaminan tanah jenis formasi Kenny Hill di Jalan Sultan, di sini, kukuh dan selamat dikorek bagi pembinaan terowong Aliran Transit Massa (MRT).

Ketua Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata jaminan itu berdasarkan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) kerja pembinaan di kawasan terbabit tidak menjejaskan bangunan di atasnya, malah ia pernah dijalankan di beberapa negara, termasuk Singapura.

"Tanah jenis formasi Kenny Hill iaitu tanah jenis kuat dan terdapat banyak di bandar raya

ini, manakala tanah jenis batu kapur seperti didakwa di kawasan itu banyak didapati di Bukit Bintang sehingga ke sekitar Jalan Tun Razak.

"Pemilik bangunan tidak perlu risau kerana MRT mengambil langkah keselamatan maksimum sepanjang tiga minggu kerja mengorek dijalankan. Pada kes paling teruk berlaku kerejakan membabitkan empat milimeter saja.

"MRT memerlukan tempoh enam bulan untuk pemilik mengosongkan premis masing-masing sebelum kerja pengorekan dijalankan bagi membolehkan pemeriksaan terperinci dijalankan," katanya.